

## NOTIS TAWARAN

BILANGAN TAWARAN: TUTB/LELONG/2025-2026/01

TAWARAN		TARIKH MENGHANTAR BORING TAWARAN KE DALAM PETI TAWARAN
TARIKH MULA	TARIKH MELIHAT, MENGAMBIL DAN MENGHANTAR BORANG TAWARAN (WAKTU BEKERJA)	
22 JULAI 2025 (SELASA)	22 JULAI 2025 (SELASA) HINGGA 05 OGOS 2025 (SELASA)	05 OGOS 2025 SEBELUM JAM 12.00
	ISNIN HINGGA KHAMIS	TENGAHARI (SELASA), (MEMBUKA PETI TAWARAN)
	PAGI: 8.30 HINGGA 11.30  PETANG: 1.30 HINGGA 3.00	
	SABTU	PAGI: 8.30 HINGGA 10.30  PETANG: 1.30 HINGGA 3.00

LOT	KETERANGAN	BERTEMPAT
1	39 BUAH CPU PELBAGAI JENIS	BILIK PENYIMPANAN CEB-L3.02 (TUTORIAL ROOM 9)

Harga borang adalah \$5 sahaja dan tidak dikembalikan dan boleh didapati di laman sesawang Universiti Teknologi Brunei. Untuk tempahan jadual lawatan dan sebarang pertanyaan boleh lah di-emel kepada [Hairulsyahmi\\_hamdan@utb.edu.bn](mailto:Hairulsyahmi_hamdan@utb.edu.bn)



## **SYARAT-SYARAT MELELONG BARANG DI BAWAH PROSES PENGHAPUSAN**

### **UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI**

Syarat-syarat tawaran:

1. Barang lelong yang ditawarkan adalah berdasarkan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.
2. Pihak penender / syarikat yang berminat adalah bertanggungjawab untuk memeriksa dan meneliti keadaan barang lelongan yang ditawarkan sebelum menyertai tawaran. Pihak UTB akan memberitahu tarikh yang sesuai untuk pemeriksaan barang-barang lelongan.
3. Pihak penender / syarikat yang berminat bolehlah mendapatkan Borang Penyertaan Tawaran Lelong yang telah disediakan di Pejabat Bendahari, Universiti Teknologi Brunei, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat sahaja.
4. Borang Penyertaan Tawaran Lelong yang lengkap diisikan hendaklah dihantar ke Pejabat Bendahari, Universiti Teknologi Brunei, Negara Brunei Darussalam dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan tajuk ‘JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM’ dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang telah disediakan.
5. Tarikh tutup tawaran adalah pada HARI SELASA BERTARIKH 05 OGOS 2025 JAM 12.00 TENGAHARI Tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan oleh pihak Jabatan.
6. Setiap satu (1) borang penyertaan tawaran lelong hanya mengandungi satu (1) tawaran sahaja. Harga indikasi adalah harga yang dijadikan sebagai garispandu harga tawaran permulaan sahaja.
7. Borang Penyertaan Tawaran Lelong adalah dikenakan dengan harga sebanyak B\$5.00 setiap satu borang dan wang pembayaran tersebut tidak akan dikembalikan.
8. Pihak penender atau syarikat yang berjaya hendaklah membuat pembayaran dalam tempoh tiga (7) hari waktu pejabat selepas dimaklumka. Jika gagal menjelaskannya maka barang lelong berkenaan akan ditawarkan kepada penender syarikat yang lain, jika gagal menjelaskan maka barang tersebut akan diberi peringatan sebanyak 2 kali. Jika pembayaran tidak dijelaskan maka barang tersebut akan dibatalkan maka pihak UTB berhak melakukan tindakan selanjutnya.
9. Pihak penender / syarikat yang telah berjaya hendaklah dengan segera menguruskan barang tersebut TIDAK LEWAT TUJUH (7) HARI selepas pembayaran dibuat dan pihak Universiti Teknologi Brunei tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerosakan / kehilangan dalam tempoh tersebut.
10. Jika pihak penender / syarikat yang telah berjaya, GAGAL menguruskan barang tersebut dalam tempoh TUJUH (7) HARI selepas membuat pembayaran, barang lelong berkenaan akan menjadi dibatalkan dan pihak UTB berhak untuk membuat Tindakan selanjutnya tanpa ada sebarang ikatan, perjanjian dan persetujuan.
11. Pihak penender / syarikat adalah dikehendaki untuk membaca dan memahami dengan jelas keseluruhan isi maklumat dan syarat-syarat dokumen barang lelongan UTB.

12. Pihak penender / syarikat yang tidak mematuhi mana-mana syarat-syarat atau butiran-butiran yang terkandung ini tidak akan dilayan atau dipertimbangkan.

13. Keputusan Universiti Teknologi Brunei adalah MUKTAMAD dan tidak diperlukan untuk memberi sebab atau alasan penolakan kepada mana-mana pihak penender / syarikat.